

CNS6596

U GB 18-07 00156 RR996

aab

Mahathir - Suharto

HUBUNGAN SAYA DAN SUHARTO BATK, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWT, 18 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menafikan anggapan berlaku keretakan dalam hubungannya dengan Presiden Suharto.

"Tidak pernah sekali hubungan kami mengalami keretakan. Hubungan kami sentiasa mesra, dengan kami lawat melawati setiap tahun," katanya pada persidangan akhhar di lapangan terbang antarabangsa di sini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur setelah berada di sini untuk mengadakan rundingan tiga hari dengan Suharto.

Sejurus sebelum itu, Dr Mahathir dan Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Ali mengucapkan selamat jalan kepada Suharto dan Tbu Tien di lapangan terbang itu.

Kata Dr Mahathir, pada tahun lepas beliau mengadakan rundingan dengan Suharto semasa mesyuarat Pergerakan Berkecuali di Indonssia, dan lawatan Suharto ke sini sejak Jumaat merupakan lawatan balas.

Lawatan-lawatan ini menunjukkan hubungan kami berjalan dengan baik dan mesra, katanya. -- Lagi

♥18/07/19-06MST

U GB 18-07 00134 BB998

aab

Mahathir - Suharto 2 Langkawi

Perdana Menteri berkata pertemuan antara mereka berdua ssmalam yang berjalan selama dua setengah jam merupakan sat.11 pertemuan yang amat mesra sekali, jadi tidak benar jika ada anggapan berlaku keretakan.

"Kami sentiasa berterus terang dalam isu-isu penting ketika kami bertemu. Saya akan melawat Indonesia tahun depan pula," kata Dr Mahathir.

"Jika ada perbezaan pendapat mengenai isu yang menjadi bahan percakapan umum dalam hubungan kami, pertemuan-pertemuan yang diadakan saling berganti setiap tahun, telah dapat membetulkan persepsi salah yang mungkin wujud," katanya.

Perbezaan pendapat inilah yang disalah anggap olsh media sebagai keretakan, katanya.

Beliau berkata jika adapun perbezaan pendapat mengenai pendekatan yang diambil antaranya dan Suharto semasa mesyuarat NAM, ia bukannya sesuatu yang telah mencetuskan perasaan marah. -- Lagi

♥18/07/19-12MST

aab

Mahathir - Suharto 3 (Akhir) Tangkawi

Jika media tempatan di Indonesia ketika itu dan pada masa kini, menganggap wujud keretakan dalam hubungan mereka, tetapi daripada perbincangannya di Indonesia dan di sini tidak menunjukkan langsung wujudnya suasana sebagaimana digambarkan, kata Dr. Mahathir.

Perdana Menteri juga menegaskan bahawa hubungan antara para menteri kedua-dua negara turut berjalan dengan baik dan mesra sebagaimana ditunjukkan sepanjang tiga hari lepas di sini.

Menteri-menteri Indonesia yang mengiringi Suharto ialah Ali Alatas (Iuar), Hartarto (Industri dan Perdagangan), Abdul Latief (Tenaga Kerja), Joop Ave (Pelancongan, Pos dan Telekomunikasi) dan Moerdiono (Menteri/Ketua Sekretaris Negara).

Di pihak Malaysia pula terdiri daripada Datuk Abdullah Ahmad Badawi (Iuar), Datuk Seri Sanusi Junid (Pertanian), Datuk Seri Rafidah Aziz (Perdagangan Antarabangsa dan Industri), Datuk Sabbaruddin Chik (Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan) dan Datuk Lim Ah Lek (Tenaga Manusia).

Dr Mahathir berkata, hubungan antara para pegawai kedua-dua negara juga berjalan baik.

"Dengan lawatan ini, hubungan di semua peringkat telah dapat dipereratkan lagi dengan adanya personal contact yang dapat dilahirkan i tu," katanya. -- Bernama.

AHH RON

11 8/07/19-18MST